

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 20/05/2022
Edisi / Muka Surat : Nasional / 30
Tajuk : Tiada kenaikan OPR bagi peminjam koperasi

Tiada kenaikan OPR bagi peminjam koperasi

KUALA LUMPUR.

- Langkah Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) baru-baru ini, dijangka tidak menjejaskan peminjam koperasi di negara ini yang menggunakan sumber dalaman.

Bagaimanapun, Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya tidak dapat memberi jaminan itu sekiranya badan koperasi berkenaan menggunakan sumber dana daripada institusi kewangan.

“Kenaikan OPR akan menyebabkan peningkatan caj yang dikenakan ke atas peminjam. Namun bagi koperasi ia melibatkan dua konteks (secara sumber dalaman dan menerusi sumber institusi kewangan).

“Sumber dalaman itu adalah sumbangan ahli-ahli koperasi itu sendiri seperti saham atau pelaburan khas dan (kenaikan



ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
انكاسا كوبراسي كيبهسان ماليسيا برهه
(Malaysian National Co-operative Movement)

OPR) itu tidak memberi sebarang kesan.

“Keadaan sebaliknya sekiranya koperasi menggunakan sumber daripada pinjaman institusi kewangan lain yang ditawarkan

kepada ahli dalam bentuk pinjaman peribadi yang akan mengalami kenaikan kadar pinjaman,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata demikian semasa majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan pemeteraian perjanjian persefahaman usaha sama bagi Projek Residensi Koperasi FELCRA di Pusat Komuniti Setiawangsa.

Mengulas selanjutnya, Abdul Fattah menyifatkan koperasi yang tidak terjejas dengan kenaikan OPR itu sebagai satu kelebihan kerana mampu menjana dana daripada sumber dalaman masing-masing.

“Sekiranya koperasi mempunyai banyak sumbangan daripada ahli-ahlinya, ini akan meluaskan lagi pasarannya,” kata beliau. - *Bernama*

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA